



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN ISNIN, 10 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	PERANAN BAPA DIPERKUKUH MELALUI PAKEJ KASIH MADANI 2.0		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/peranan-bapa-diperkukuh-melalui-pakej-kasih-madani-2-0	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-fokus-perkukuh-tanggungjawab-bapa-dalam-keluarga/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2488758	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tugas-rumah-tangga-bukan-pada-bahu-isteri-sahaja-nancy-546770	ASTROAWANI.COM	
	https://thesun.my/berita/tempatan/kpwkm-perkenal-modul-kebapaan-dalam-pakej-kasih-madani-2-0/	THESUN.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/09/kasih-madani-20-launched-to-strengthen-families-recognise-fathers	THESTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2488767	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/kpwkm-strengthens-fatherhood-role-with-kasih-madani-2-0-package/	THESUN.MY	
	https://majoriti.com.my/video/2025/11/09/urus-keluarga-bukan-tugas-isteri-seorang---nancy	MAJORITI.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/09/kpwkm-perkukuh-peranan-bapa-melalui-pakej-kasih-madani-2-0/	TVSARAWAK.MY	
	https://mediaselangor.com/en/2025/11/329496/kpwkm-enhances-fathers-role-through-kasih-madani-2-0-package	MEDIASELANGOR.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=IJbGOXQ0auM	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	MALAYSIA CARE PACU EKONOMI PENJAGAAN, SOKONG WANITA KEMBALI BEKERJA		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/malaysia-care-pacu-ekonomi-penjagaan-sokong-wanita-kembali-bekerja/	BULETINTV3.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	INSTITUSI KELUARGA ASAS UTAMA BINA MASYARAKAT PENYAYANG – WAN AZIZAH		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/institusi-keluarga-asas-utama-bina-masyarakat-penyayang-wan-azizah/	BULETINTV3.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/10/wan-azizah-strong-family-bond-vital	THESTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2488732	BERNAMA.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1469382/ibu-bapa-perlu-berperanan-aktif-pantau-emosi-anak-dr-wan-azizah	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2488759	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pantau-emosi-dan-media-sosial-anakanak-dr-wan-azizah-546757	ASTROAWANI.COM	
	https://www.thevibes.com/articles/news/115281/strengthening-family-bonds-key-to-building-ethical-caring-society	THEVIBES.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/parents-urged-to-monitor-childrens-emotions-amid-digital-challenges/	THESUN.MY	
	https://onetiger.com/pantau-emosi-dan-media-sosial-anak-anak-dr-wan-azizah/	ONETIGER.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=GzLabUch67Q	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	KEMAHIRAN MENDIDIK ANAK-ANAK PERLU SEIRING DENGAN TEKNOLOGI TERKINI		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kemahiran-mendidik-anak-anak-perlu-seiring-dengan-teknologi-terkini	BERITA.RTM.GOV.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	NBKK 2025 PERKUKUH INSTITUSI KELUARGA		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/755915/berita/nasional/nbkk-2025-perkukuh-institusi-keluarga	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	KERAJAAN SARAWAK KOMITED PERKASA GOLONGAN OKU		POSITIF
	https://suarasarakawak.my/kerajaan-sarawak-komited-perkasa-golongan-oku/	SUARASARAWAK.MY	
	https://suarasarakawak.my/kerajaan-salur-rm299700-untuk-epc/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	PEMIMPIN KOMUNITI DIBERI TAKLIMAT BERKAITAN BANTUAN KERAJAAN		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/09/pemimpin-komuniti-diberi-taklimat-berkaitan-bantuan-kerajaan	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://suarasarakawak.my/kerajaan-gps-utamakan-kebajikan-rakyat-di-peringkat-akar-umbi/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	57 PUSAT PEMINDAHAN SIAP BEKALAN HADAPI MUSIM TENGGUJUH DI GUA MUSANG		POSITIF
	https://thesun.my/news/57-pusat-pemindahan-siap-bekalan-hadapi-musim-tengkujuh-di-gua-musang/	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/bfokus/news.php?id=2488858	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	KOHORT WIN 2025, PERKASA KEPIMPINAN WANITA MUDA		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/ekonomi/senarai-berita-ekonomi/senarai-artikel/kohort-win-2025,-perkasa-kepimpinan-wanita-muda	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	INGATKAN RAKAN SERUMAH, WANITA TERKEJUT KEHADIRAN PENYAMUN LELAKI TAK BERPAKAIAN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1469405/ingat-rakan-serumah-wanita-terkejut-kehadiran-penyamun-lelaki-tak	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/755955/berita/semasa/sangka-rakan-serumah-pulang-rupanya-dikejutkan-lelaki-tidak-berpakaian	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1285572/sangka-rakan-serumah-rupanya-pencuri-tak-berpakaian	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	PINTU TERKUNCI, BAYI NYARIS TERPERANGKAP LAMA DALAM KERETA		NEGATIF
	https://suarasarawak.my/pintu-terkunci-bayi-nyaris-terperangkap-lama-dalam-kereta/	SUARASARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KPWK ENHANCES FATHER'S ROLE THROUGH KASHI MADANI 2.0

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 10 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK



Dr Wan Azizah (centre), Nancy (third left) and others pose during the launch of the Kasih Madani 2.0 package. — Bernama photo

KPWKM enhances fathers' role through Kasih Madani 2.0

PUTRAJAYA: The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWK) is placing renewed emphasis on strengthening the role of fathers in nurturing healthy, resilient families through the Kasih Madani 2.0 package, said minister Datuk Seri Nancy Shukri.

She said the Kebapaan (Fatherhood) module highlights the importance of a father's responsibility and leadership within the family unit, reinforcing the awareness that family well-being cannot rest solely on mothers.

"We want fathers to play a meaningful leadership role. They are considered the head of the household, yet most of the responsibilities at home are often shouldered by mothers."

"It is not right for husbands to expect their wives to shoulder all the important duties. It is a shared responsibility. It is not about swapping, but about balancing them," she said.

She spoke to reporters after attending the National Family

Month 2025 celebration officiated by the Prime Minister's wife Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, here yesterday.

Nancy said the package, launched yesterday, also emphasises the cultivation of noble values and character among parents, while supporting couples who have yet to have children through awareness initiatives and fertility treatments, with a particular focus on husbands.

"Fathers also need to undergo check-ups to understand that fertility issues are not solely the mother's concern, but can also involve the father or husband," she said.

Kasih Madani 2.0 was developed by the National Population and Family Development Board (LPPKN) in collaboration with academics and family experts, including representatives from non-governmental organisations.

It features two core modules: Romantika Cinta (Romance of Love) and Kebapaan (Fatherhood), tailored specifically

for newlyweds and fathers.

Earlier in her speech, Nancy highlighted the role of KPWK, in partnership with LPPKN, in ensuring that no family is left behind in the nation's development.

"We recognise that today's world is full of social and emotional challenges. Hence, through the National Family Kasih Agenda under the 13th Malaysia Plan, KPWK focuses on parenting education and social interventions to ensure that every family in Malaysia remains balanced and resilient," she said.

Under Budget 2026, she said RM4.1 billion has been allocated to KPWK to implement a range of high-impact initiatives, including the Fertility Treatment Assistance and Infertility Advocacy Programme (BuAI), the Reproductive and Social Health Education Program (Pekerti), parenting education, and the National Family Kasih Agenda, all of which will be led by LPPKN across the country. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Peranan bapa diperkukuh melalui pakej KASIH MADANI 2.0

Nasional - Dicipta: 09 November 2025 03:23 PM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri (tiga dari kiri) dan isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (empat dari kanan) pada Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 di Putrajaya, hari ini / Foto BERNAMA

PUTRAJAYA, 9 November – Pakej KASIH MADANI 2.0 yang dilancarkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) hari ini, memberi tumpuan terhadap peranan bapa dalam membina institusi keluarga sejahtera.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, Modul Kebapaan bawah pakej itu menekankan kepentingan tanggungjawab dan kepimpinan bapa dalam institusi keluarga, sekali gus memupuk kesedaran bahawa kesejahteraan rumah tangga tidak hanya terletak pada bahu golongan ibu semata-mata.

"Kita mahu mereka (bapa) memainkan peranan penting dalam kepimpinan. Jika suami hanya mengharapkan isteri untuk melakukan semua tugas penting, hal ini tidak betul kerana memerlukan tanggungjawab bersama. Bukannya tentang bertukar peranan, tetapi tentang mengimbangi peranan."

"KPWK dengan kerjasama LPPKN akan terus memastikan tiada keluarga tercicir dalam arus pembangunan negara. Kita sedar dunia hari ini penuh cabaran sosial dan emosi. Oleh itu, melalui Agenda Nasional KASIH Keluarga Negara bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), kami turut memberi tumpuan terhadap pendidikan kelibubapaan dan intervensi sosial supaya keluarga di Malaysia kekal seimbang dan berdaya tahan," katanya ketika ditemui pada Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2025, yang dirasmikan oleh isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Jelasnya, pakej berkenaan berfokus terhadap aspek nilai murni dan pembentukan sahsiah dalam kalangan ibu bapa.

Mengulas lanjut, Datuk Seri Nancy berkata pakej tersebut turut merangkumi Modul Romantika Cinta untuk pasangan yang baru mendirikan rumah tangga.

Ia turut membantu pasangan yang belum dikurniakan zuriat melalui program kesedaran dan rawatan kesuburan, khususnya kepada golongan suami.

Pakej KASIH MADANI 2.0 dibangunkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan penglibatan para akademik serta pakar rujuk bidang kekeluargaan termasuk daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Dalam pada itu, katanya KPWK akan memanfaatkan peruntukan sebanyak RM4.1 bilion menerusi Belanjawan 2026 bagi melaksanakan pelbagai inisiatif lain yang berimpak tinggi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Malaysia Care pacu ekonomi penjagaan, sokong wanita kembali bekerja

🕒 09 November 2025, 10:50pm



Nancy ketika berucap pada Malam Media Sarawak, di Kuching.

Oleh: Kadir Edison

KUCHING: Sektor penjagaan negara bakal diberi nafas baharu apabila program Malaysia Care diperkenalkan tahun depan, sebagai pemacu ekonomi baharu dan sokongan utama kepada penyertaan lebih ramai wanita dalam tenaga kerja.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, melalui Malaysia Care 2026–2030, kerajaan memberi tumpuan terhadap pembangunan ekosistem penjagaan yang lebih komprehensif bagi menjamin kesejahteraan keluarga Malaysia dalam jangka panjang.

Katanya, tumpuan utama termasuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk penjaga, penaiktarafan pusat jagaan serta peluasan inisiatif 'childcare at work' di tempat kerja.

"Ini juga cara kita untuk membantu agar lebih ramai wanita kembali bekerja.

"Kita mahu kerja penjagaan dilihat bukan sahaja sebagai beban, tetapi sebagai sektor berharga yang menyumbang kepada ekonomi dan kesejahteraan keluarga," katanya ketika berucap pada Malam Media Sarawak, di sini.



Nancy berkata, majikan yang menyediakan kemudahan penjagaan anak atau warga emas turut layak menerima insentif cukai, sebagai galakan untuk mengurangkan beban tanggungjawab penjagaan yang sering dipikul wanita.

Beliau menegaskan, langkah itu selari dengan komitmen kerajaan untuk memartabatkan profesion penjagaan serta meningkatkan taraf hidup penjaga formal dan tidak formal di seluruh negara.

Dengan peruntukan sebanyak RM4.187 bilion tahun depan, di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), pelaksanaan menyeluruh dasar sosial negara diyakini akan memberi perubahan nyata kepada kelompok wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas.

Malaysia Care dilihat mampu menjadi pemangkin kepada masyarakat yang inklusif, berdaya tahan dan produktif, di samping mengiktiraf sektor penjagaan sebagai tulang belakang kesejahteraan keluarga serta ekonomi negara.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : WAN AZIZAH: STRONG FAMILY BOND VITAL

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 10 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Wan Azizah: Strong family bond vital

M'sians urged to protect their children from the pull of the digital world

By DIVYA THERESA RAVI
divya.theresa@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The younger generation risks being pulled away by the digital world without strong family bonds, says Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

As such, the Prime Minister's wife said Malaysians should nurture warmth and understanding at home.

"There are a lot of issues regarding children these days, and without doubt, we have to realise that our family is the fortress to protect them," she said in her speech at the launch of the Kasih Madani 2.0 programme in conjunction with the National Family Month 2025 celebration here yesterday.

Also present was Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

Dr Wan Azizah advised families to monitor their children closely and take note of any changes in their emotions or behaviour.

She said this can happen when children open up to their families without fear of being judged, adding that the family institution is an important foundation in developing the nation.

The Kasih Madani 2.0 programme consists of two modules, namely Modul Romantika Cinta and Modul Kebapaan.

The Modul Romantika Cinta aims to strengthen love in marriage and guide couples to commu-



Hands-on lesson: (From left) Dr Wan Azizah and Nancy watching a parent learning to change a baby's diaper on a practice doll during the National Family Month 2025 event in Putrajaya. — CHAN TAK KONG/ The Star

nicate and resolve conflicts better, while the Modul Kebapaan focuses on the role of fathers as family leaders, including their responsibilities as protectors and providers.

Explaining the content of the programme, Nancy said Modul Romantika Cinta is designed for newlyweds, especially those married for one to five years who are looking to start a family.

"For Modul Kebapaan, we focus on fathers as leaders because children often see them as authority figures, and we want to help fathers foster strong, positive leadership within the family," she told reporters after the event.

Nancy highlighted that this module is not about asking fathers to swap roles with their wives, but rather to balance it.

"Mothers usually do chores at

home while fathers are breadwinners.

"In this module, we teach about balancing roles so that both can provide financially and attend to household needs. This should be normalised in a family.

"Strengthening family values is not just a policy, but the heartbeat of the nation's social well-being," she added.

A participant of the programme,

Rasyiqah Zaidee, 29, agreed with the initiative.

"Fathers play a leadership role in the family, not just as a breadwinner. In this era, they play a bigger role.

"Everything a father does reflects the entire family. When my two-year-old son grows up, he will take the positive example of him as well.

"But of course, it's not a one-man show; together, we work our way to create a supportive and loving family," said the teacher.

The event began with a variety of family activities, including a fun run. There were also interactive booths.

Rasyiqah said it is a perfect weekend for family bonding.

Hajar Zulkepli, 32, a marketing executive, said she and 11 relatives enjoyed the activities.

"Since most of us are working, it's really hard to find a suitable time to meet.

"Thanks to this event, it's a way for us to strengthen the family bond and spend time with each other."

During Budget 2026, a total of RM4.1bil had been allocated to the ministry to implement various high-impact programmes.

**WATCH THE
VIDEO**
TheStarTV.com



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : IBU BAPA DISERU MAIN PERANAN AKTIF, PANTAU EMOSI ANAK: WAN AZIZAH

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 10 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Ibu bapa diseru main peranan aktif, pantau emosi anak: Wan Azizah

PUTRAJAYA: Ibu bapa diseru lebih peka dan berperanan aktif dalam memantau emosi serta pergaulan anak-anak dengan menekankan kasih sayang, bimbingan agama dan komunikasi terbuka.

Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, kebelakangan ini negara dikejutkan dengan beberapa insiden melibatkan kanak-kanak dan remaja yang amat membimbangkan.

Beliau berkata, isu berkenaan menuntut perhatian serius semua pihak khususnya ibu bapa sebagai benteng perlindungan utama keluarga.

"Setiap kali kejadian begitulah, kita akan tertanya-tanya, apakah yang sedang berlaku kepada anak-anak kita.

"Sedar tidak sedar, anak-anak kita kini berdepan dengan tekanan dan pengaruh yang semakin kompleks daripada media sosial, rakan sebaya hinggalah kepada cabaran kesihatan mental, namun, dalam setiap cabaran, kita harus sedar bahawa keluarga adalah benteng perlindungan utama," katanya ketika berucap merasmikan Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 di sini semalam.

Beliau berkata, walaupun



LAWATAN: Dr Wan Azizah bersama Nancy melawat ke ruai pameran pada Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 di Putrajaya, semalam. — Gambar Bernama

ibu bapa tidak mampu mengawal segala ruang dunia luar, mereka masih boleh mengawal suasana di rumah dengan mewujudkan persekitaran penuh kasih sayang dan memberikan perhatian sewajarnya terhadap keperluan anak-anak.

"Satu lagi perkara pokok yang ingin saya tekankan dalam usaha membentuk keluarga harmoni ialah menerusi bimbingan agama, nilai murni dan akhlak mulia agar anak-anak kita mempunyai benteng yang lebih kuat untuk menolak pengaruh negatif.

"Kita perlu prihatin dan bertanya apa yang berlaku di sekolah dan pergaulan mereka.

Kita perlu pantau aktiviti media sosial anak-anak, mengenali perubahan emosi atau tingkah laku mereka dan buka ruang kepada anak-anak bercerita tanpa membuat penilaian awal, tanpa mengadili," kata Dr Wan Azizah.

Pada majlis sama, beliau turut melancarkan program Pakej KASIH MADANI 2.0 sebagai langkah proaktif memperkukuh hubungan pasangan suami isteri dan peranan bapa sebagai tonggak keluarga.

Pakej KASIH MADANI 2.0 dibangunkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan penglibatan para akademik serta pakar rujuk

bidang kekeluargaan termasuk daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Pakej itu merangkumi dua modul utama iaitu Modul Romantika Cinta untuk pasangan yang baru mendirikan rumah tangga dan Modul Kebapaan khusus bagi golongan bapa.

Bertemakan 'KASIH Keluarga, Bahagia Bersama', Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 merupakan seruan kepada penghayatan nilai 'KASIH' merangkumi Kasih sayang, Akhlak mulia, gaya hidup Sihat, pencapaian Ilmu yang memupuk pemikiran kritis dan celik maklumat serta suasana Harmoni. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Institusi keluarga asas utama bina masyarakat penyayang – Wan Azizah

09 November 2025, 12:11pm



Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail pada Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 (BKK2025) di Padang Semarak, Taman Wetland, di Putrajaya, hari ini.

Oleh Hamdi Fahmi Mohamad Zaki

PUTRAJAYA: Institusi keluarga merupakan asas penting untuk membentuk masyarakat beretika, penyayang dan sejahtera.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, dalam dunia yang semakin kompleks dengan cabaran media sosial, tekanan hidup dan isu kesihatan mental, keluarga perlu berperanan sebagai tempat perlindungan dan sumber kekuatan bagi setiap ahli masyarakat.

"Kita mungkin tidak mampu mengawal dunia di luar sana, tetapi kita mampu mengawal rumah kita. Hidupkan rumah kita dengan kasih sayang, perhatian dan bimbingan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 (BKK2025) di Padang Semarak, Taman Wetland, di sini, hari ini.

Dr. Wan Azizah turut menyeru ibu bapa agar lebih peka terhadap perkembangan anak-anak, termasuk memantau aktiviti media sosial dan perubahan emosi mereka, selain menggalakkan komunikasi terbuka dalam keluarga.

Beliau menegaskan, pengukuhan institusi keluarga harus disokong dengan bimbingan agama, nilai murni dan akhlak mulia bagi membentuk generasi berdaya tahan terhadap pengaruh negatif.

Dalam pada itu, beliau mengiktiraf peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang terus melaksanakan pelbagai inisiatif memperkasa keluarga.

"Saya yakin semua agensi di bawah KPWKM seperti JKM, JPW, Yayasan Kebajikan Negara, Lembaga Kaunselor dan Institut Sosial Malaysia melaksanakan peranan penting dalam memperkukuh keluarga secara langsung dan tidak langsung," katanya.

Dr. Wan Azizah turut mengingatkan masyarakat agar tidak menunggu sehingga masalah menjadi serius sebelum mendapatkan bantuan, sebaliknya menggunakan kemudahan yang disediakan kerajaan.

Beliau turut menyeru semua rakyat memperbaharui ikatan kasih sayang dalam keluarga serta tidak culas menunaikan tanggungjawab masing-masing sebagai ibu bapa, anak atau pasangan.

"Tautkan kembali kasih sayang antara ahli keluarga jika ada yang terpisah. Jangan lari dari tanggungjawab. Tidak salah untuk meminta bantuan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kemahiran mendidik anak-anak perlu seiring dengan teknologi terkini

Nasional - Dicipta: 09 November 2025 11:21 AM



Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Datuk Abdul Shukur Abdullah ditemu bual dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia bersempena Majlis Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 di Padang Semarak, Taman Wetland di Putrajaya, N/DM

PUTRAJAYA, 9 November – Ibu bapa kini perlu peka dengan perkembangan ilmu teknologi terkini dalam mendidik anak-anak supaya dapat membentuk keluarga sejahtera dan masyarakat yang stabil.

Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Datuk Abdul Shukur Abdullah berkata dalam era teknologi dan perubahan sosial yang pesat, ibu bapa perlu terus melengkapkan diri dengan pengetahuan terkini bagi memastikan mereka mampu membimbing anak-anak secara efektif dan berhemah.

"Apa lagi anak-anak sekarang semakin ke depan dengan penggunaan Internet. Jadi ilmu di situ perlu untuk ditingkatkan hari ke hari. Ibu bapa kena tambah ilmu untuk mengikuti teknologi dan perkembangan semasa.

"Kajian menunjukkan kemahiran keibubapaan semakin menurun dalam kalangan ibu bapa, sedangkan anak-anak kini jauh lebih maju dari segi penggunaan teknologi," kata beliau.

"Sebab itu, ilmu perlu ditingkatkan supaya ibu bapa dapat menyesuaikan pendekatan mendidik dengan persekitaran digital dan cabaran semasa," katanya ketika ditemu bual bersempena Majlis Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK) 2025 di Padang Semarak, Taman Wetland di Putrajaya.

Datuk Abdul Shukur berkata peningkatan ilmu bukan sahaja penting untuk membimbing anak-anak, tetapi juga menanam nilai etika, tanggungjawab dan komunikasi berkesan dalam institusi keluarga.

LPPKN turut memperkenalkan dua modul baharu bersempena sambutan BKK, iaitu Modul Kebapaan dan Modul Romantikkan Cinta, yang dirancang khusus memperkuat kemahiran serta peranan ibu bapa dalam mendepani cabaran kekeluargaan masa kini.

Modul Romantikkan Cinta memberi tumpuan kepada pasangan baharu mendirikan rumah tangga, terutama dalam tempoh lima tahun pertama perkahwinan yang dikenal pasti sebagai fasa kritikal.

"Berdasarkan data, hampir 30 peratus kes penceraian berlaku dalam tempoh lima tahun pertama perkahwinan. Modul ini membantu pasangan muda menguruskan konflik, memahami keperluan pasangan dan memupuk kasih sayang berterusan dalam rumah tangga," jelasnya.

Sementara itu, Modul Kebapaan pula dibangunkan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran kaum lelaki agar lebih berperanan dalam membimbing keluarga serta melindungi ahli rumah tangga mereka.

"Dalam kes penderaan atau masalah sosial, kita sering menuding kepada lelaki sebagai punca, tetapi sebenarnya mereka juga perlu dibantu dengan ilmu. Modul ini melatih bapa agar lebih empati, memahami psikologi anak-anak dan mampu memimpin keluarga dengan berhemah," katanya.

Sambutan BKK 2025 turut memperkenalkan pelbagai inisiatif sokongan termasuk kempen 'Awak Okey Tak?', Talian Kasih 15999, serta Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSS) dan Kafe@Teen, yang menyediakan khidmat kaunseling dan bimbingan kepada keluarga yang berdepan tekanan atau isu sosial.

Beliau turut memaklumkan kempen dan program bersempena BKK akan diperluas ke seluruh negara selepas pelancarannya di Putrajaya, agar semua lapisan masyarakat dapat menerima manfaat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



NBKK 2025 perkukuh institusi keluarga



DIANA AZIS [Follow](#)

09 November 2025 09:45am



Abdul Shukur (tengah) meninjau ruang pameran Karnival NBKK 2025 di Padang Semarak Taman Wetland pada Sabtu.

PUTRAJAYA - Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan (NBKK) 2025 yang diadakan pada 8 dan 9 November di Padang Semarak, Taman Wetland di sini memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh institusi keluarga melalui penerapan nilai mumi kekeluargaan berteraskan konsep Malaysia Madani.

Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Datuk Abdul Shukur Abdullah berkata, penganjuran karnival tahun ini bukan sekadar acara tahunan, sebaliknya merupakan platform penting dalam pelaksanaan dasar pembangunan keluarga di peringkat nasional.

"Objektif utama adalah untuk mengarus perdana dasar penerapan nilai kekeluargaan sebagai asas pembinaan masyarakat Madani selain mengembeng penyertaan pelbagai pihak dalam memperkukuh kesejahteraan keluarga.

"Sambutan bertemakan 'KASIH Keluarga, Bahagia Bersama' itu menekankan lima nilai utama iaitu kasih sayang, akhlak mulia, sihat dan selamat, ilmu serta harmoni yang menjadi panduan pembentukan keluarga sejahtera dan masyarakat berdaya tahan," katanya ketika ditemui selepas meninjau tapak pameran hari pertama Karnival NBKK 2025 di sini pada Sabtu.



Reruai LPPKN memberi tumpuan kepada pengunjung pada NBKK 2025.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, pelbagai aktiviti menarik telah disusun sepanjang dua hari penganjuran antaranya Ekspo KASIH yang menampilkan pameran nilai kekeluargaan, keselamatan serta kesejahteraan hidup seisi keluarga.

Ekspo tersebut, menurutnya, mempamerkan inisiatif mesra keluarga oleh pelbagai agensi dan pihak swasta termasuk promosi pakej perkahwinan khas, taklimat keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta tawaran istimewa daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) seperti diskaun bagi taman tema, hotel dan lap desa.

Selain itu, acara Kasih Family Fun Run akan diadakan pada pagi Ahad dan dijangka menghimpunkan sehingga 3,000 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat.

"Bazaria Keluarga pula menawarkan Jualan Rahmah oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Agro Madani oleh FAMA dengan potongan harga menarik.

"Antara aktiviti tarikan lapisan masyarakat pula ialah zoo mini, aktiviti pemerksaan bapa melibatkan campervan, santai karom, setem keluarga, karikatur keluarga dan Malam Kasih Keluarga.

"Pengunjung juga boleh meninjau dan melihat sendiri 23 reruai pameran dan jualan daripada pelbagai agensi yang menjadi rakan strategik kementerian," jelasnya.

Bagi menggalakkan kehadiran pengunjung ke program tersebut, Abdul Shukur berkata, perkhidmatan bergerak menggunakan trak dan bas disediakan dari tempat letak kenderaan ke tapak pameran.

Selain itu, beliau memaklumkan, LPPKN dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPJ) juga menyediakan perkhidmatan bas ulang-alik kepada orang awam secara percuma selama dua hari dari Putrajaya Sentral dan Perhentian Bas Kompleks E, Putrajaya ke Taman Wetland.

Perkhidmatan tersebut bermula dari jam 8.30 pagi hingga 5 petang dan 8.30 malam hingga 10.30 malam pada Sabtu, manakala 8.30 pagi hingga 5 petang pada Ahad.

"Kemudahan pengangkutan ulang-alik dari pintu masuk utama Taman Wetland turut disediakan ke Padang Semarak Wetland," ujarnya.

Orang ramai boleh layari laman web <https://bulankekeluarga.lppkn.gov.my/> untuk maklumat lanjut mengenai karnival ini.

November bulan semarakkan semangat kasih Madani dalam keluarga

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berharap supaya sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan akan terus disemarakkan dengan pelbagai aktiviti yang berbentuk kekeluargaan.



Nancy

Justeru, beliau menggalakkan setiap ahli masyarakat untuk melakukan aktiviti kekeluargaan yang bersesuaian.

"Aturkan pertemuan sesama keluarga bagi mengeratkan silaturahim, saling menghargai, bermaafan serta mengekalkan semangat kasih Madani serta memberi masa bersama keluarga.

"Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan juga diharap dapat memperkasakan institusi keluarga ke arah pembangunan negara dalam pelbagai bidang dan bukan hanya tumpu kepada pembangunan sosial," katanya.

Beliau turut menyeru semua pihak untuk bersama-sama memeriahkan penganjuran Bulan Keluarga Kebangsaan menerusi pelaksanaan program dan aktiviti kekeluargaan di peringkat organisasi masing-masing.

Katanya, KPWK juga mengalu-alukan pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO), korporat dan swasta untuk menyokong dan menyertai sambutan NBKK 2025 melalui kerjasama dan kolaborasi strategik.

"Tema Bulan Keluarga Kebangsaan Tahun 2025 ini menyeru ahli keluarga, masyarakat dan warganegara untuk mencapai kedamaian dalam keluarga, perpaduan dalam masyarakat dan kesejahteraan dalam negara.

"Ia bermula dari menjaga keharmonian dalam keluarga. Eratkan hubungan dalam perkahwinan, adik-beradik, saudara dan jiran dengan bertoleransi sesama ahli keluarga," ujarnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sagah ketika berucap pada Majlis Perasmian Penangguhan Sambutan Hari OKU Peringkat Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Serian 2025 di Tebingan Sungai Kampung Stabut, Teng Bukap, di sini, hari ini. | Sumber Gambar Facebook - N20 Tarat Update.

PADAWAN: Kerajaan Sarawak memandang serius usaha memperkasa golongan Orang Kurang Upaya (OKU) melalui pelaksanaan pelbagai dasar dan program di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (MEITD) Datuk Seri Roland Sagah Wee Inn berkata, pendekatan tersebut dilaksanakan melalui Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan – memastikan golongan istimewa terus diperkasa dari segi pendidikan, pekerjaan, kemahiran serta sosial.



Sekitar rakaman kenangan pada Majlis Perasmian Penangguhan Sambutan Hari OKU Peringkat Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Serian 2025.

Kerajaan mahu mewujudkan sebuah masyarakat inklusif bagi setiap insan tanpa mengira keupayaan, berpeluang menyumbang dan menikmati kemajuan bersama.

"Golongan istimewa ini merupakan sebahagian penting daripada masyarakat kita yang mempunyai potensi dan bakat tersendiri jika diberi peluang dan sokongan sewajarnya.



Sekitar rakaman kenangan pada Majlis Perasmian Penangguhan Sambutan Hari OKU Peringkat Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Serian 2025.

"Justeru, di Kementerian saya, pendidikan inklusif akan terus diberi perhatian agar anak-anak OKU tidak tercicir sekali gus dapat menuntut ilmu dan mengembangkan potensi mengikut kemampuan masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Penangguhan Sambutan Hari OKU Peringkat Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Serian 2025 di Tebingan Sungai Kampung Stabut, Teng Bukap, di sini, hari ini.

Sagah menambah, usaha kerajaan itu jelas melalui JKM melaksanakan program seperti Sambutan Hari OKU peringkat bahagian/negeri/kebangsaan; Jom Daftar OKU; dan Karnival Komuniti PPDK iaitu kawasan Parlimen Puncak Borneo dengan peruntukan sumbangan daripada beliau sendiri berjumlah RM15,000.

Mengenai sambutan Hari OKU tersebut, beliau memberitahu, ia merupakan sebahagian daripada inisiatif untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan masyarakat sebagai tanggungjawab bersama bagi memberi penghormatan dan pengiktirafan ke atas kemampuan serta sumbangan Pertubuhan Sukarela Kebajikan JKM terhadap golongan OKU.

"Selaras dengan perkembangan semasa dan hasrat kerajaan, maka PKMB Serian menganjurkan Sambutan Hari OKU Bahagian Serian yang melibatkan OKU dari PDK Bahagian Serian.

"Sambutan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pelatih PDK, ibu bapa dan petugas PDK di bawah pengurusan Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti bersama komuniti setempat, khususnya Kampung Stabut," ujarnya.

Beliau memaklumkan, program ini tidak dilaksanakan sekadar rutin tahunan, malah dirangka dengan objektif yang jelas dan berkesan termasuk memupuk kesedaran tentang peranan Pertubuhan Sukarela Kebajikan JKM yang terdiri daripada PPDK Serian, PPDK Hidup Mesra Teng Bukap dan PPDK Bestari Siburan kepada masyarakat.

"Ia termasuk mengurangkan diskriminasi terhadap golongan OKU, dan memupuk rasa kasih sayang dalam kalangan masyarakat setempat terhadap golongan OKU," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tarat.

Dalam hal berkaitan, beliau juga menyeru agar semangat prihatin ini dapat terus disemai dan diteruskan di setiap peringkat masyarakat – dari keluarga, sekolah hingga ke komuniti.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pemimpin komuniti diberi taklimat berkaitan bantuan kerajaan

© November 9, 2025, Ahad - 4:48pm



Yap bersama peserta dan pegawai JKM Kuching semasa sesi taklimat bantuan kebajikan di Kota Sentosa baru-baru ini.

KUCHING: Pemimpin komuniti dari kawasan Kota Sentosa telah diberi taklimat dan latihan berkaitan pelbagai bentuk bantuan yang ditawarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Bahagian Kuching, baru-baru ini.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Sentosa Wilfred Yap, sesi berkenaan bertujuan meningkatkan kefahaman serta kemahiran pemimpin akar umbi dalam membantu penduduk setempat memohon bantuan dengan tepat dan berkesan.

“Usaha memberi pendedahan secara langsung kepada pemimpin komuniti amat penting kerana mereka merupakan penghubung utama antara agensi kerajaan dan rakyat.

“Melalui latihan ini, pemimpin masyarakat dapat membantu golongan yang memerlukan seperti ibu tunggal, warga emas, golongan OKU, pesakit kronik serta keluarga berpendapatan rendah untuk memohon bantuan dengan lebih mudah dan tepat,” katanya.

Antara skim bantuan yang diperjelaskan termasuk Bantuan Warga Emas (BWE), Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Bantuan Orang Kurang Upaya (BKU), Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Terlantar (BPT), Bantuan Am Negeri (BA), Bantuan Belia Beliawanis (BBB), Bantuan Anak Pelihara (BAP).

Selain itu, Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang (BKPBP), Bantuan Perubatan (BP), Bantuan Alat Tiruan (BAT), Bantuan Tabung Segera (BTS), Kenyalang Gold Card (KGC), Bantuan Ihsan Kematian (BIK) dan Senior Citizen Health Benefit (SCHB).

“Kerajaan GPS di bawah kepimpinan YAB Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg sentiasa komited memastikan tiada rakyat Sarawak yang tercicir.

“Bantuan yang disediakan bukan sekadar berupa nilai kewangan tetapi ia mencerminkan keprihatinan, penghargaan dan tanggungjawab sosial kerajaan terhadap rakyat,” tambahnya.

Pada masa yang sama, Yap juga memuji pihak JKM Bahagian Kuching kerana mengambil langkah proaktif turun padang serta mendekatkan perkhidmatan kebajikan kepada masyarakat melalui program penerangan dan latihan praktikal.

“Kita mahu pastikan setiap rumah, setiap individu yang memerlukan, akan mendapat bantuan sewajarnya.

“Tidak ada sesiapa yang akan ditinggalkan,” tegasnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Kampung Limau Kasturi Alwi Muda memeriksa bekalan makanan asas yang diantar Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh di pusat pemindahan sementara (PPS) Kampung Limau Kasturi ketika tinjauan hari ini. - FotoBERNAMA

57 pusat pemindahan siap bekalan hadapi musim tengkujuh di Gua Musang

The Sun Webdesk | Sunday, 9 Nov 2025, 9:40 pm

PKOB Gua Musang lengkapkan bekalan makanan ke 57 PPS untuk hadapi banjir monsun, nasihat penduduk patuh arahan pindah awal

GUA MUSANG: Sebanyak 57 pusat pemindahan sementara (PPS) di daerah ini telah dilengkapi dengan bekalan makanan bagi menghadapi kemungkinan banjir Monsun Timur Laut.

Pengerusi Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Gua Musang Mohd Roshdi Ismail berkata penghantaran bekalan seperti beras, minyak masak dan makanan retort selesai dilaksanakan minggu lepas.

Bekalan tersebut mencukupi untuk keperluan mangsa banjir selama empat hingga lima hari di PPS termasuk SK Limau Kasturi dan Dewan Semai Bakti Felda Chiku 7.

"PKOB amat berpuas hati dengan persediaan yang dilakukan dan yakin pengurusan banjir dapat dilaksanakan dengan baik," katanya.

Semua agensi terlibat bersiap siaga memainkan peranan masing-masing dengan anggota penyelamat dilengkapi persediaan mental dan fizikal.

Jabatan Pengairan dan Saliran turut menyelenggara siren serta alat amaran awal bagi memastikan sistem berfungsi sepenuhnya.

"Satu simulasi bencana banjir akan dilaksanakan dalam masa terdekat bersama pihak polis bagi menguji keberkesanan tindakan di lapangan," jelas Mohd Roshdi.

PKOB sentiasa memantau perkembangan cuaca dan menasihati masyarakat supaya peka dengan ramalan hujan serta paras semasa sungai.

"Penduduk perlu mematuhi arahan pihak berkuasa dan segera berpindah apabila diarahkan kerana kawasan yang tidak pernah banjir juga berisiko," tegasnya.

Orang ramai turut disaran memuat turun aplikasi MyIBJKM untuk memudahkan urusan pendaftaran di PPS.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan Kampung Limau Kasturi Alwi Muda berkata PPS di kawasanya dilengkapi kemudahan tambahan seperti alas tidur dan khemah.

"Bukan sahaja bekalan makanan, pihak agensi juga datang membuat pemeriksaan siren dan penambahbaikan alat amaran awal di kampung ini," ujarnya. - Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kohort WIN 2025, perkasa kepemimpinan wanita muda

Ekonomi - Dicipta: 09 November 2025 06:31 PM



WIN, bina keyakinan dan kemahiran / Foto TalentCorp

KUALA LUMPUR, 9 November - TalentCorp memperkenalkan Kohort Mentor Rangkaian Industri Wanita (WIN) 2025 sebagai usaha memperkukuh penyertaan, kepimpinan dan kesaksamaan wanita dalam tenaga kerja di Malaysia.

Kohort ke-11 di bawah inisiatif utama Wanita MyWira, menghimpunkan lebih 300 wanita daripada 25 universiti dan institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Kenyataan TalentCorp memaklumkan, peserta berpeluang mengikuti program bimbingan selama lima minggu dikendalikan 41 pemimpin wanita daripada pelbagai sektor termasuk teknologi, kejuruteraan, kesihatan dan tenaga boleh baharu.

Pengerusi Lembaga Pengarah TalentCorp, Wong Shu Qi berkata, WIN merupakan pelaburan penting dalam membina barisan kepimpinan masa hadapan negara.

"Melalui WIN, kita bukan sekadar melabur dalam potensi individu, tetapi dalam transformasi struktur yang diperlukan bagi mencapai sasaran penyertaan tenaga buruh wanita sebanyak 60% menjelang 2030.

"Untuk mencapai dan mengekalkan sasaran nasional sebanyak 30 peratus wanita sebagai pembuat keputusan, kita perlu membina keyakinan, kemahiran dan rangkaian yang dapat memperkasa wanita untuk memimpin dan membentuk masa depan tenaga kerja Malaysia," jelas beliau.

Inisiatif turut dilaksanakan dengan kerjasama Girls4Girls Malaysia (G4G) serta Paragon Group sebagai penaja strategik.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Foto JBPM

Pintu terkunci, bayi nyaris terperangkap lama dalam kereta

BINTULU: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bertindak pantas apabila berjaya menyelamatkan seorang kanak-kanak perempuan berusia 1 tahun 10 bulan yang terperangkap dalam sebuah kereta jenis Proton Saga di Lorong Mutiara di sini, malam tadi.

Menurut Pusat Gerakan Operasi (PGO) JBPM Sarawak, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada 7.19 malam.

“Pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kidurong segera dikerahkan ke lokasi sejauh dua kilometer dengan kekuatan lima anggota menggunakan jentera FRT Scania.

“Pasukan tiba di lokasi pada 7.22 malam dan memulakan operasi menyelamatkan seminit kemudian. Anggota bomba bertindak menggunakan peralatan khas untuk membuka pintu kenderaan yang terkunci,” menurut kenyataan itu.

Operasi berjaya dikawal dan ditamatkan sepenuhnya pada 7.38 malam. Tiada kecederaan dilaporkan, dan kanak-kanak terbabit diselamatkan dalam keadaan selamat.

JBPM mengingatkan orang ramai supaya sentiasa berhati-hati serta memastikan keselamatan anak-anak terjamin, terutamanya ketika berada di dalam atau berhampiran kenderaan.

Kejadian seperti ini boleh dielakkan dengan perhatian dan langkah pencegahan yang sewajarnya. — TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ingatkan rakan serumah, wanita terkejut kehadiran penyamun lelaki tak berpakaian

Noor Hidayah Tanzili - November 9, 2025 @ 1:35pm



- Foto hiasan.

KUALA LUMPUR: Lelaki tidak berpakaian yang 'mencuri' masuk kediaman wanita sebelum menyamun telefon bimbi mangsa dalam kejadian di pangsapuri Taman Sri Sentosa, di sini kelmarin, berjaya ditahan polis semalam.

Suspek berusia 27 tahun itu masuk ke dalam kediaman mangsa, 20, melalui halaman yang tidak dikunci, kira-kira 3 petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Hoo Chang Hook, berkata ketika kejadian mangsa sedang menyidai pakaian sebelum terdengar bunyi pintu jeriji dibuka dan menyangka rakan serumah yang membukanya.

Bagaimanapun, mangsa kemudian melihat seorang lelaki tidak berpakaian masuk dan dia kemudian cuba melarikan diri, namun dihalang suspek.

"Susulan itu berlaku pergelutan antara mangsa dan suspek yang menyebabkan mangsa cedera paha kiri dan bibir serta tangan kirinya lebam dan calar. Suspek mengugut boleh membunuh mangsa dan turut meminta wang daripada wanita itu.

"Mangsa juga cuba mendapatkan bantuan melalui telefon bimbitnya namun suspek mengambil telefon itu sebelum keluar dari rumah apabila wanita itu tidak memberi kata laluan telefonnya," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Katanya, pihaknya yang menerima laporan berhubung kejadian itu menahan suspek di Taman Sri Sentosa, jam 7.12 malam kelmarin.

"Penahanan berkenaan turut membawa kepada beberapa rampasan membabitkan tiga telefon bimbit termasuk milik mangsa, sebuah beg galas, sebuah komputer riba, sehelai baju dan seluar serta selipar.

"Siasatan awal mendapati suspek mengaku terbabit beberapa kes yang disiasat sebelum ini membabitkan Seksyen 394 dan Seksyen 380 Kanun Keseksaan. Dia turut mendakwa menyamun untuk kegunaan perbelanjaan harian," katanya.

Beliau berkata, semakan turut mendapati suspek mempunyai 12 rekod jenayah dan tujuh rekod dadah serta ujian awal saringan air kencing turut mendapati lelaki itu positif ganja.

"Suspek direman lima hari sehingga 13 November ini untuk membantu siasatan lanjut mengikut Seksyen 394 Kanun Keseksaan," katanya.